

Maj'oriti Islam kunci keharmonian kaum

12 APR 2002

Oleh ASUKI ABAS

PETALING JAYA 11 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan pencapaian terbesar Malaysia dalam memperoleh keamanan dan kemakmuran adalah disebabkan pengu-rusan hubungan antara kaum yang baik di bawah pimpinan orang Islam.

Perdana Menteri menegaskan bahawa keharmonian kaum di Malaysia tercapai kerana Islam dan majoriti penduduk adalah Muslim.

Menurutnya, kenyataan ini mungkin sukar diterima kerana umat Islam selalunya dikaitkan dengan ketidakupayaan untuk berhubung dengan orang dari agama, kaum atau fahaman lain.

“Mereka dikatakan tidak rasional, keras kepala, dan tidak dapat memerintah dan membangunkan negara dan seringkali dikaitkan dengan keganasan.

“Bolehkah umat Islam di Malaysia menyumbangkan kepada keamanan dan keharmonian di kalangan rakyat yang begitu berbeza daripada segi kaum dan agama?,” tanya Dr. Mahathir.

Beliau berkata, jawapan kepada persoalan ini ialah mereka boleh jika mereka menurut prinsip-prinsip Islam dan ajaran sebenar Islam.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Makan Malam Sempena Persidangan Tahunan Williamsburg Ke-30 di Hotel Sunway Lagoon Resort, di sini malam ini.

Persidangan tiga hari anjuran Persatuan Asia New York itu disertai oleh ketua-ketua perniagaan, kerajaan, media dan ahli-ahli akademik AS dan Asia.

Menurut Dr. Mahathir, majoriti umat Islam Malaysia cuba mengikut asas sebenar ajaran agama yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w.

Ajaran asas Islam menekankan persaudaraan antara semua umat Islam dan

tidak memusuhi bukan Islam melainkan mereka diperangi, katanya.

“Sebab itu kami boleh mengatakan Islam merupakan punca keamanan dan keharmonian di Malaysia dan penyebab pembangunan pesat negara ini,” tegas beliau.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, negara-negara Asia termasuk Malaysia berhak menentukan cara sendiri bagi menjaga keamanan dan memakmurkan negara masing-masing.

Katanya, negara-negara Asia akan meniru apa yang baik dari Eropah dan Amerika Syarikat (AS) tetapi perlu diberikan kebebasan untuk menentukannya selagi ia direstui oleh rakyat masing-masing.

Demokrasi

“Mereka yang percaya kepada kebebasan, hak asasi manusia dan demokrasi mesti membenarkan kami menguruskan sendiri keseimbangan antara keamanan dan kemakmuran yang kami capai sendiri,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, Malaysia dan negara serantau tidak menolak nilai-nilai Barat secara menyeluruh tetapi mereka harus dibenarkan menggunakan mana-mana nilai Asia yang dirasakan baik.

“Malaysia mahu keamanan dan kemakmuran dan majoriti rakyat kami menyokong cara untuk mendapatkannya. Jadi kenapa orang lain perlu membantah sedangkan mereka langsung tidak terjejas?” tambah beliau.

Perdana Menteri berkata, negara-negara Asia mahu demokrasi menjadi adil dan saksama tetapi tidak ada model demokrasi yang baik di dunia walaupun antara negara yang memperjuangkannya.

“Adalah tidak demokratik untuk menggunakan paksaan termasuk tekanan ekonomi bagi memaksa sesebuah negara menerima satu-satu dasar.

“Dalam mengejar konsep ideologi, sebab dan niat asal ideologi itu diwujudkan kerap kali dilupakan,” ujarnya.

Dr. Mahathir turut melahirkan rasa kesal kerana terdapat beberapa buah negara yang memandang serong terhadap Asia dan sentiasa menghalang negara-negara serantau daripada berbincang dalam satu forum bagi meningkatkan kerjasama.

“Walaupun Eropah sudah menjadi Kesatuan Eropah (EU) dan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) sudah ditubuhkan, negara Asia Timur diberitahu supaya tidak berbincang antara satu sama lain kecuali dengan kehadiran negara-negara dari rantau ini.

“Jika EU dan NAFTA boleh jadi eksklusif, kenapa Asia tidak boleh memiliki kumpulannya sendiri?”

“Bantahan bahawa Asia anti-Amerika atau anti-Eropah tidak sah memandangkan mereka tidak pernah menganggap ketiadaan negara Asia dalam kumpulan mereka sebagai anti-Asia,” ujarnya.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi percaya kepada hak asasi manusia tetapi dalam amalnya, hak golongan majoriti tidak boleh diabaikan.

Katanya, adalah salah bagi individu atau golongan minoriti menegakkan hak mereka dengan cara yang merosakkan.

“Amalan hak asasi manusia harus disertakan dengan rasa tanggungjawab terhadap masyarakat dan untuk mengekalkan keamanan serta kemakmuran.

“Kami tidak mahu mencari keseimbangan antara keamanan dan kemakmuran, (sebaliknya) kami percaya hanya keamanan yang dapat membawa kemakmuran,” tegasnya.